

BAB 3

PENGUASAAN EKONOMI JEPUN DI MELAKA, 1942-1945.

Dalam menentukan kepentingan ekonomi Jepun di rantau ini, khususnya di Tanah Melayu kita perlulah meninjau penglibatan Jepun sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Hubungan perdagangan antara Jepun dengan Tanah Melayu telah wujud sejak pemerintahan Ashigaka (1339-1573M). Selain untuk berdagang sebagai objektif utama, rombongan perdagangan Jepun juga mahu memastikan bahawa mereka sajalah yang menguasai sepenuhnya jalan perdagangan di antara Jepun dengan Tanah Melayu. Rombongan perdagangan ini di bawah naungan dan kawalan kerajaan, dan kapal perdagangan rasmi dikenali sebagai “Goshun-Sen”. Kedatangan kapal-kapal itu ke Asia Tenggara tidaklah begitu kerap dan hanya beberapa kali sahaja dalam setahun.¹

Kesyogunan Tokugawa yang diasaskan oleh Ieyasu pada tahun 1603 telah memerintah negeri Jepun sehingga tahun 1867. Dari segi teori, ketua negeri Jepun ialah Maharaja yang tinggal bersama-sama pegawai-pegawai istana (Kuge) di Kyoto. Sejak abad kedua belas, maharaja telah “menduduki tahta kerajaan tanpa memerintah”.² Masyarakat Tokugawa bersifat feudal dan status sosial diwarisi.

¹ Mehmet Sami Denker, “Continuity and Change in Japanese-Malaysian Relations Before and After the Second World War”, Tesis Sarjana Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 1984, hlm. 12.

² Harold M. Vinacke, *Sejarah Timur Jauh dalam Zaman Modern*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1967, hlm. 110.

Terdapat hiraki empat kelas sosial, iaitu pahlawan-pentadbir, petani, tukang dan saudagar. Golongan saudagar merupakan kelas yang paling rendah memandangkan ianya tidak produktif.³ Menjelang tahun 1639, negeri Jepun di bawah pemerintahan Kesyogunan Tokugawa telah menutup pintunya kepada dunia luar. Ini menyebabkan masyarakat Jepun yang tinggal di Asia Tenggara terpisah daripada negara luar, dan sebahagian besar daripadanya telah diasimilasikan dengan kebudayaan tempatan. Menurut George Samsom, dasar pemencilan tersebut adalah disebabkan oleh keinginan Kesyogunan Tokugawa untuk mengelakkan sebarang penglibatan kuasa-kuasa asing yang mungkin akan mengancam keamanan dan kemakmuran negeri Jepun.⁴

Namun begitu, mulai tahun 1857, pusat graviti politik negeri Jepun telah berpindah dari Edo ke Kyoto, iaitu tempat kediaman maharaja dan pegawai-pegawai istananya. Pada waktu ini jugalah istana imperial secara beransur-ansur telah mula menegakkan semula kuasa politik dan pengaruhnya di negeri Jepun. Apabila pengaruh dan kekuatan sudah mula berada dipihak istana, segala-galanya mula berubah. Pada bulan November 1867, Syogun Tokugawa yang terakhir iaitu Keiki telah dipaksa oleh suku-suku barat Satsuma, Choshu, Toza dan Iizen untuk menyerahkan kuasa politik kepada Maharaja Jepun, Mutsuhito. Suku-suku barat tersebut adalah musuh Tokugawa sejak turun-temurun. Pergolakan politik di negeri Jepun pada pertengahan abad kesembilan belas telah memberi kesempatan kepada mereka untuk menggulingkan Kesyogunan Tokugawa.

³ Edwin O. Reischauer, *Japan: The Story of a Nation*, Tokyo, Charles E. Tuttle Company, 1974, hlm. 90.

⁴ George Sansom, *A History of Japan 1615-1687*, Stanford: Stanford University Press, 1963, hlm. 44.

Kebetulan pula pada waktu itu, suku-suku barat tersebut mempunyai kedudukan ekonomi yang baik akibat pengalaman dasar-dasar perindustrian dan perdagangan yang progresif.⁵ Di samping itu juga, suku-suku barat tersebut juga mempunyai tentera yang moden dan kuat. Tentera-tentera mereka dilengkапkan dengan senjata-senjata barat yang lebih baik

Pemulihan kuasa imperial ini telah gagal apabila daimyo yang besar enggan menyertai majlis tersebut di Kyoto. Disebabkan keengganan tersebut, suku-suku barat telah melancarkan satu rampasan kuasa pada 3 Januari 1868 dan mengisytiharkan sekali lagi “pemulihan kuasa imperial”. Keiki berundur dengan tenteranya dari Kyoto ke Osaka bagi mengelakkan pertempuran dengan “tentera imperial”. Beberapa daimyo dan penyokong-penyokong Tokugawa yang lain telah cuba menentang “pemulihan kuasa imperial” tersebut namun begitu perjuangan mereka telah gagal dan seluruh negeri Jepun telah dikuasai oleh “tentera imperial” menjelang bulan Mei 1869.⁶

Maka pada teorinya, satu “pemulihan kuasa imperial” telah berlaku pada 3 Januari 1868. Maharaja Mikado Mutsuhito mula memerintah negeri Jepun dengan mengambil gelaran Meiji. Setelah pemulihan Meiji (1868-1912) barulah hubungan Jepun dengan negeri-negeri di rantau Asia dipulihkan kembali sejak bertahun-tahun memencilkan diri dari hubungan luar. Pada zaman Meiji, negeri Jepun telah

⁵ Hugh Borton, *Japan's Modern Century*, New York: The Ronald Press Company, 1970, hlm. 67-70.

⁶ Edwin O. Reischauer dan Albert M. Craig, *Japan: Tradition dan Transformation*, London: George Allen & Unwin, 1979, hlm. 133.

muncul sebagai sebuah negara yang moden dan kuat. Dalam masa lima puluh tahun sahaja , negeri Jepun telah mempunyai ekonomi yang maju dan moden. Ini disebabkan perdagangan dan perusahaan Jepun tradisional yang terdapat pada awal abad kesembilan belas adalah maju secara relatif. Keadaan di Jepun yang aman dan penghapusan sekatan-sekatan ekonomi adalah faktor yang memudahkan proses permodenan di negeri Jepun semasa Zaman Meiji.

Kejayaan permodenan negeri Jepun jelas terbukti dengan kemenangan-kemenangannya dalam Perang China-Jepun pada tahun 1894-1895 dan Perang Rusia-Jepun pada tahun 1904-1905. Dengan kejayaan-kejayaan ini, Jepun telah muncul sebagai salah satu kuasa terkuat di Asia. Jepun mula dianggap sebagai sebuah kuasa dunia yang setanding dengan kuasa-kuasa barat. Jepun juga telah diiktiraf sebagai sebuah kuasa kolonial moden.

Antara tahun-tahun 1927 hingga 1930, idea-idea politik lampau telah meresap di kalangan pegawai tentera yang muda. Golongan tentera ini telah menentang kerajaan berparlimen yang dianggap lemah dan korup. Mereka ingin kerajaan parti menyerahkan kuasa kepada Maharaja Jepun untuk diberikan kepada angkatan tentera. Kepopularan golongan tentera telah meningkat apabila ianya memperjuangkan dasar perluasan kolonial. Mulai tahun 1932, pihak tentera telah menguasai dasar-dasar negeri Jepun. Kerajaan Jepun yang dikuasai oleh pihak tentera telah mengamalkan dasar perluasan kuasa di negeri China. Dasar ini akhirnya telah mengakibatkan penyertaan Jepun dalam Perang Dunia Kedua.

Penglibatan Jepun dalam meluaskan kuasa imperialnya juga adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia pada waktu itu. Akibat kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1929 hingga 1931 telah menyebabkan nilai eksport negeri Jepun telah merosot sebanyak 50%.⁷ Harga barang-barang yang dihasilkan oleh Jepun terutamanya sutera dan beras telah jatuh menjunam. Negara-negara asing pula telah mengenakan tarif yang begitu tinggi terhadap barang-keluaran Jepun. Mulai bulan Julai 1940, Amerika Syarikat mula mengenakan sekatan-sekatan ekonomi ke atas Jepun. Pada tahap awal, larangan-larangan telah dikenakan ke atas eksport petroleum dan logam buruk (scrap metal) gred satu.⁸

Kemelesetan ekonomi dunia benar-benar telah mengakibatkan rakyat Jepun terjerumus di lembah kesengsaraan. Ini ditambah lagi dengan peningkatan pengangguran di Jepun yang telah mencapai keangka tiga juta orang pada tahun 1931. Rakyat telah menundung jari terhadap ahli-ahli politik Jepun di atas kesengsaraan tersebut kerana sokongan mereka terhadap kerjasama ekonomi dengan negara-negara demokrasi dan prinsip antarabangsa. Sebenarnya konflik ekonomi Jepun dengan negara-negara lain ditentukan oleh dasarnya sendiri. Semangat kebangsaan dan polisi perindustriannya memerlukan dasar perlindungan ekonomi. Ini memerlukan dasar anti-Barat yang selama ini menguasai ekonomi dunia.⁹ Kemelesetan ekonomi dunia telah menambahkan kepopularan fahaman ketenteraan yang memperjuangkan dasar perluasan kolonial. Ini adalah kerana

⁷ Edwin O. Reischauer dan Albert M. Craig, *Japan: Tradition*, hlm. 245.

⁸ Paul H. Clyde dan Burton F Beers, *The Far East*, New Jersey: Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs, 1971, hlm. 361.

⁹ Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 79.

ramai orang Jepun mulai sedar bahawa dasar perluasan adalah perlu bagi memastikan bekalan bahan-bahan mentah dan pasaran-pasaran untuk negeri Jepun. Inilah salah satu sebab berlakunya dasar agresif Jepun dalam meluaskan imperialnya di negeri-negeri di Asia. Jepun sebenarnya ingin menguasai ekonomi dan seterusnya untuk mendapatkan bahan-bahan mentah bagi perindustriannya.

Jepun juga memerlukan bekalan makanan yang berterusan bagi penduduknya yang kian bertambah dengan pesat. Mereka mengetahui bahawa Asia Tenggara memang kaya dengan bahan-bahan mentah seperti petroleum, getah dan arang batu serta barang-barang makanan seperti beras. Salah satu kawasan yang ditakluki untuk kepentingan ekonominya ialah Tanah Melayu. Kejayaan Jepun yang mengharukan dan kejayaan yang dicapainya dengan begitu cepat mengakibatkan bahaya yang tidak dapat diperbaiki ke atas kehormatan barat.¹⁰ “Asia untuk orang Asia” menjadi tema umum propaganda Jepun, dan ia cuba menghapuskan sehabis-habisnya pengaruh dan kebudayaan Barat.¹¹ Apabila Jepun berjaya menguasai rantau ini, mereka telah menjalankan rancangan yang telah mereka rancangkan. Hasil-hasil bahan mentah yang diperolehi dari negara-negara yang ditaklukinya mula dikaut dan dibawa balik ke Jepun dengan menggunakan kapal-kapal laut. Dari segi kepentingan propaganda, Jepun mempunyai rancangan yang lebih teratur melalui konsep Asia Raya dan Lingkungan Kemakmuran Bersama.

¹⁰ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm.1000.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 1000.

Dalam memperkembangkan serta mengaut ekonomi di negara yang dijajah oleh Jepun, mereka telah menggunakan tenaga rakyat tempatan untuk kepentingan Jepun. Jepun telah memaksa rakyat di negara ini berdikari untuk mencari sesuap nasi dengan mengarahkan kudrat yang ada. Segala tanah yang kosong diminta untuk dikerjakan bagi meningkatkan kembali ekonomi negara yang hampir pupus setelah perang meletus. Sebenarnya Jepun bertujuan untuk membolehkan rantau ini mempunyai kedudukan ekonomi yang teguh, dan menjamin kekuatan serta perkembangan lingkungan kemakmuran yang dapat dicapai.¹²

Sebenarnya matlamat Pentadbiran Tentera Jepun di Asia Tenggara ialah bagi memastikan;

1. Pertukaran barang di antara kawasan yang diduduki berjalan dengan lancar.
2. Bekalan kayu untuk pembinaan kapal mencukupi.
3. Menguasai harta musuh.
4. Pengubahsuaian – kemudahan pelabuhan
5. Penggunaan kapal kecil.
6. Mengawal ladang.
7. Menetapkan polisi supaya pedagang Jepun boleh menguasai perdagangan.
8. Menubuhkan organisasi penyelidikan.¹³

¹² M.A.Aziz, *Japan Colonialism and Indonesia*, The Hague, hlm. 33.

¹³ Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun*, hlm.79-80.

Namun begitu, apa yang berlaku disebaliknya ialah apabila British menerima berita tentang kemaraan Jepun, mereka telah merosakkan alat-alat dan mesin-mesin untuk memproses timah dan getah.¹⁴ Sebenarnya British telah menjangkakan bahawa mereka tidak mampu mempertahankan Tanah Melayu kerana selama ini mereka beranggapan Jepun akan menyerang dari sebelah selatan. British juga percaya bahawa Jepun juga tidak mungkin bertindak lebih jauh kerana ekonomi negara mereka yang berada di dalam keadaan yang teruk sekali pada ketika itu. Namun begitu sangkaan mereka meleset apabila Jepun terus mara seolah-olah tidak boleh disekat lagi ketika mula memasuki Tanah Melayu daripada utara melalui Thailand. Apabila melihatkan kemaraan Jepun dengan begitu pantas sekali, British telah mengambil keputusan untuk menghapuskan segala ekonomi di Tanah Melayu kerana mereka tahu tujuan sebenar Jepun menyerang negara-negara di Asia Tenggara adalah kerana ekonomi. British dapat mengesan bahawa Jepun ingin menakluki negara-negara di Asia Tenggara bukanlah kerana slogan yang digunakan oleh Jepun seperti ‘Asia untuk Asia’ dan lain-lain slogan tetapi hanyalah untuk memulihkan kembali ekonomi negara mereka yang telah jatuh menjunam begitu teruk apabila dipulaukan oleh negara-negara luar.

Oleh yang demikian, apabila British menjangkakan bahawa mereka tidak mampu untuk mempertahankan Tanah Melayu daripada serangan Jepun dan kemaraan Jepun pula dibantu oleh penduduk tempatan, mereka telah

¹⁴ Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1993, hlm. 137.

memusnahkan pelbagai infrastruktur yang telah mereka bina sebelum ini. British telah memusnahkan jalan keretapi, jalan raya serta jambatan untuk melambatkan lagi kemaraan tentera Jepun ke selatan.¹⁵ British juga telah memusnahkan ladang-ladang getah kerana mereka tahu Jepun akan mengalami kesukaran untuk memulihkan kembali ekonomi yang telah di bina oleh British sebelum kedatangan mereka. Lombong-lombong bijih timah juga banyak yang telah dimusnahkan. Oleh yang demikian, Jepun terpaksa membina kembali ekonomi Tanah Melayu setelah mereka mentadbir.

Pentadbiran tentera Jepun menganggap setiap kawasan atau tempat yang dikuasai atau diduduki mestilah menghasilkan sesuatu untuk membebaskan umat Asia dan sumbangannya terhadap ekonomi Jepun. Di Melaka, Jepun telah mengeksplorasi setiap bahan-bahan mentah untuk tujuan tersebut. Pembukaan sebuah lombong boksait¹⁶ di Teluk Mas, Melaka, pada tahun 1942 telah membuktikan bahawa Jepun telah cuba mengaut keuntungan daripada kemahiran buruh-buruh tempatan. Kebanyakan pekerja yang terlibat dilombong tersebut adalah terdiri dari pemuda-pemuda tempatan khasnya dari kampung-kampung yang berhampiran. Hasil galian itu akan diambil oleh pentadbiran Jepun dan dibawa ke Jepun untuk diproses menjadikan kelengkapan perang bagi mengatasi kekuatan musuh.

¹⁵ Temuramah dengan Sidang Othman bin Abu Bakar pada 10 Oktober 2001 di Kampung Tun Abdul Razak, Bukit Katil, Melaka. (Lampiran 1)

¹⁶ Temuramah dengan Abdul Ghani Ahmad pada 2 Ogos 2001.

Dari segi perlaksanaan, Jepun lebih mementingkan ekonomi dan ketenteraananya. Jepun berusaha untuk memonopoli hasil pengeluaran yang kemudiannya disalurkan untuk menguatkan pasukan tenteranya. Dalam usaha untuk mengaut ekonomi yang begitu subur di Tanah Melayu sebelum kehadiran Jepun, mereka terpaksa membaik pulih semula infrastruktur yang telah dimusnahkan oleh British sebelum meninggalkan Tanah Melayu. Jepun bukan saja cuba memulihkan infrastruktur yang telah musnah tetapi telah menambahkan lagi apa yang telah sedia ada sewaktu pentadbiran British di Tanah Melayu.

Di Melaka, tenaga-tentara rakyat tempatan telah dikerah bagi tujuan untuk mengaut ekonomi yang ada untuk dihantar ke Jepun. Lapangan Terbang Batu Berendam telah dibina oleh Jepun dengan menggunakan hasil keringat penduduk tempatan. Rakyat tempatan telah dipaksa mengangkat batu-batu untuk membina lapangan terbang tersebut. Jalan raya dari Air Keroh ke Batu Berendam juga telah dibina oleh penduduk tempatan. Sesiapa yang engkar akan dihukum oleh tentera Jepun.¹⁷

Dalam mencari buruh atau tenaga pekerja, *Jikeidan* telah ditugaskan untuk melaksanakannya. Maka ramailah anak-anak muda tempatan yang menjadi buruh ketika itu dengan upah yang begitu rendah.¹⁸ Penjajahan Jepun di Tanah Melayu dan perang di Eropah telah melembabkan perdagangan di merata tempat termasuk di Pulau Pinang dan Singapura.¹⁹ Akibat polisi-polisi Jepun, perdagangan telah

¹⁷ Temuramah dengan Encik Ali bin Dalim pada 27 Oktober 2001.

¹⁸ Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Repah pada 17 Ogos 2001.

¹⁹ Sheela, *Sejarah Perkembangan*, hlm. 137.

merosot sama sekali. Apabila perdagangan merosot ini telah mengakibatkan keadaan ekonomi di Tanah Melayu turut terjejas. Keadaan ini amat membimbangkan penduduk-penduduk tempatan kerana kehilangan pekerjaan mereka. Kebanyakkan penganggur ini telah dihantar ke Burma untuk membina jalan keretapi. Mereka yang dikerah membina jalan keretapi ini terdiri daripada orang Melayu, India, Cina dan Serani.²⁰ Jalan keretapi ini dikenali sebagai ‘Jalan Keretapi Maut’ kerana beribu-ribu orang telah mati akibat penyakit serta kekurangan makanan dan air semasa pembinaan.

Jepun yang cuba mengaut dan menguasai ekonomi di Melaka serta Tanah Melayu telah mengarahkan penduduk tempatan menghijaukan kawasan yang terluang dengan pelbagai jenis tanaman. Padi-padi juga telah diarahkan untuk ditanam. Pada peringkat awalnya, beras diimport dari Siam dan Burma tetapi lama-kelamaan Jepun mendapati sukar untuk berbuat demikian. Ini telah mengakibatkan ramai penduduk di Tanah Melayu yang telah mati kebuluran. Oleh yang demikian, pentadbiran Jepun telah mengarahkan penduduk di Tanah Melayu membangunkan kembali ekonomi mereka dengan menanam padi untuk bahan makanan. Oleh kerana setiap orang amat terhad mempunyai keluasan tanah yang dimilikinya, maka ada yang menanam padi di halaman rumah untuk makanan mereka.²¹ Namun begitu, beras masih lagi tidak mencukupi untuk makanan seharian penduduk di Tanah Melayu.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Temuramah dengan Haji Bahari bin Idris pada 7 Ogos 2001.

Disebabkan beras sukar diperolehi dalam masa yang terdekat serta penanamannya memerlukan perhatian yang teliti maka pentadbiran Jepun telah mengarahkan penduduk tempatan menanam ubikayu, keledek serta jagung untuk makanan seharian. Untuk menjayakan kempen tersebut, penduduk tempatan telah dikerah membersihkan ladang-ladang getah untuk bercucuk tanam. Pada mulanya, masyarakat Cina telah mengambil bahagian. Namun begitu apabila makanan masih tidak mencukupi, orang-orang Cina ini telah berpindah ke pinggir hutan dan bercucuk tanam di sana.²²

Oleh kerana aktiviti import dan eksport telah terhenti, Jepun terpaksa menggunakan bahan-bahan tempatan yang sedia ada untuk menggantikan kekurangan barang penggunaan. Pada ketika itu juga kedudukan ekonomi negara dibawah pentadbiran Jepun amat lemah dan Jepun hanya bergantung kepada sumber yang mudah di dapati di negara ini. Masyarakat ketika itu sering kelaparan. Sagu, ubikayu dan keladi kerap menjadi makanan utama rakyat.²³ Penduduk tempatan juga telah menjadi rakyat yang serba boleh pada ketika itu. Keperluan barang harian telah dibuat sendiri untuk mengikuti arahan Jepun yang mahukan rakyat sentiasa berdikari. Kasut telah dibuat dari getah sekrap, seluar dari kain guni dan tempe dari biji getah. Daya kreativiti pada ketika itu amat penting untuk mengatasi masalah ekonomi yang begitu teruk.

Kekuasaan ekonomi di Melaka dan Tanah Melayu akhirnya terhenti apabila pendudukan Jepun berakhir pada 12 September 1945. Pendudukan Jepun selama

²² Sheela, *Sejarah Perkembangan*, hlm. 137.

²³ Temuramah dengan Haji Bahari bin Idris, pada 7 Ogos 2001.

tiga setengah tahun itu bukan sahaja meninggalkan kesan ekonomi tetapi juga kepada kesan sosial dan politik. Pada keseluruhannya, pendudukan dan pentadbiran Jepun telah menubah keadaan sosial, ekonomi dan politik Tanah Melayu sebelum perang dengan begitu radikal sehingga British terpaksa merombak dasarnya selepas perang.